

**Tun Dr Mahathir Seru Pensyarah Terus Tambah Ilmu
Bernama
06 November, 2012**

MELAKA, 6 Nov (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad Selasa menyeru pensyarah universiti supaya terus menambah ilmu dan menimba pengetahuan baharu demi kebaikan pelajar dan untuk memenuhi keperluan masa.

Beliau berkata dalam keadaan dunia yang sentiasa berubah, rakyat Malaysia perlu membuang budaya suka bersantai dan sebaliknya mengambil pengajaran daripada bangsa yang berjaya, terutama orang Jepun, yang terkenal dengan budaya tekun bekerja.

"Kita perlu paksa diri kita supaya mengejar ilmu dan kemahiran baharu, lihatlah kepada orang Jepun, kita belajar membuat kereta, teknologi dan etika kerja daripada mereka.

"Mereka berjaya kerana rakyat mereka amat gemar belajar, mereka memiliki budaya tertentu yang mendorong mereka untuk menimba lebih banyak ilmu," katanya ketika menyampaikan ucapnama pada majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Pentadbir Universiti 2012 di sebuah hotel di Bandar Hilir di sini, Selasa.

Persidangan dua tahun sekali selama tiga hari itu yang bertemakan "Strategising University Governance in Championing the Higher Education Agenda", dihoskan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Ia dihadiri 300 peserta, termasuk dari Brunei.

Dr Mahathir berkata tugas universiti bukan sekadar menyampaikan ilmu atau mengajar ilmu sedia ada kepada pelajar, tetapi lebih daripada itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707520>